

PERUTUSAN PENGERUSI

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Salama dan selawat ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua saya bagi pihak Lembaga Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), dapat membentangkan Laporan Tahunan LPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak dan warga kerja LPP yang telah menyumbangkan kepada kejayaan yang dicapai oleh LPP sepanjang tahun 2008. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Y.B. Dato' Mustapa Bin Mohamed, Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani dan pihak Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani di atas dorongan, sokongan dan bimbingan yang diberikan untuk LPP terus maju.

PRESTASI PEMBANGUNAN

LPP sebagai agensi pelaksana meneruskan program pembangunan kearah meningkatkan pengeluaran pertanian. Usaha-usaha ini telah dilaksanakan melalui lapan program pembangunan utama iaitu program pengeluaran bahan makanan asas, program pembangunan peladang, program kemudahan pemasaran pertubuhan peladang, program perkhidmatan kejenteraan ladang, program ladang integrasi, program pemulihan ladang, program industri kecil dan sederhana serta program pembangunan usahawan peladang.

LPP telah diperuntukan sebanyak RM60.96 juta untuk melaksanakan program pembangunan tersebut di sepanjang tahun 2008. Walaupun peruntukan tahun 2008 berkurangan berbanding RM94.8 juta pada tahun 2007, namun peruntukan tersebut telah digunakan dengan sebaik-baiknya dengan perbelanjaan mencapai RM60.95 juta iaitu 99.99 peratus. Peruntukan tersebut dibelanjakan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah program pengeluaran bahan makanan asas yang meliputi komoditi



padi, komoditi buah-buahan, komoditi sayur-sayuran, ternakan dan akuakultur. Disamping itu, LPP telah berjaya melahirkan seramai 7,414 orang usahawan peladang daripada 10,000 usahawan yang disasarkan dalam tempoh RMKe9.

Perkhidmatan sokongan yang merangkumi kemudahan pemasaran, kejenteraan ladang, perkhidmatan lepas tuai, penyediaan kemudahan peralatan dan sistem aplikasi Information Communication Technology (ICT) telah disediakan dan digunakan dengan sebaiknya. Program Pembangunan Modal Insan juga terus diberi perhatian ke arah melahirkan anggota dan ahli-ahli peladang yang berpengetahuan dan berkemahiran. Sejumlah 194 program latihan anggota dan 174 program latihan ahli peladang yang melibatkan 14,928 orang telah dapat dilaksanakan pada tahun 2008.

Disamping melaksanakan program-program pembangunan di atas, LPP diberi tanggungjawab oleh kerajaan bagi melaksanakan program pengedaran bantuan baja di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) bernilai RM277 juta dan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan (DJBM) bernilai RM298.7 juta.

Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9, di atas keyakinan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri yang telah membuat penilaian ke atas pelaksanaan program-program pembangunan LPP telah meluluskan peruntukan pembangunan tambahan sebanyak RM29.8 juta untuk projek-projek pembangunan bagi tahun 2009 -2010.

HALA TUJU

Sektor pertanian dilihat penting dalam menjamin pengeluaran makanan mencukupi untuk negara disamping meletakkan sektor pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi negara.

LPP sebagai agensi pelaksana kepada dasar-dasar kerajaan melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani akan terus menyumbang dan berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan agenda pembangunan pertanian negara dengan penuh tanggungjawab dalam meningkatkan pengeluaran bahan makanan negara serta memberi perkhidmatan kepada ahli peladang dengan cekap dan berkesan.

Program pembangunan modal insan akan terus diberi penekanan disamping kempen-kempen dan aktiviti-aktiviti promosi untuk memastikan ahli-ahli peladang mendapat perkhidmatan dan faedah dari program-program pembangunan LPP dengan menarik minat golongan muda menceburi sektor pertanian dan seterusnya melahirkan usahawan-usahawan berjaya yang dapat menyakinkan masyarakat umum bahawa sektor pertanian adalah menguntungkan dan berdaya maju.

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2008, LPP telah memperolehi pendapatan berjumlah RM195.953 juta. Sumber pendapatan terdiri daripada pemberian kerajaan untuk peruntukan mengurus berjumlah RM 132.277 juta, pemberian kerajaan untuk peruntukan pembangunan berjumlah RM 31.150 juta dimana geran pembangunan yang dilunaskan adalah berjumlah RM45.777 juta. Ini termasuklah pendapatan Institut Pengurusan Peladang (IPP) berjumlah RM5.835 juta, faedah atas simpanan dan pinjaman berjumlah RM 6.481 juta, yuran audit pendaftar berjumlah RM1.260 juta, sewa rumah kakitangan berjumlah RM0.988 juta, lebihan aset dilupuskan berjumlah RM0.955 juta dan pendapatan pelbagai berjumlah RM0.386 juta.

Perbelanjaan sebenar LPP bagi tahun 2008 adalah berjumlah RM190.478 juta. Jumlah perbelanjaan ini terdiri daripada ganjaran kakitangan sebanyak RM112.401 juta, perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 36.517 juta, perbelanjaan lain berjumlah RM25.395 juta, susut nilai hartanah, loji dan peralatan sebanyak RM9.889 juta, IPP sebanyak RM4.407 juta serta peruntukan dan hapus kira berjumlah RM1.869 juta. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan LPP adalah berjumlah RM5.475 juta.

PRESTASI PERTUBUHAN PELADANG

Dalam tahun 2008, prestasi Pertubuhan Peladang (PP) menunjukkan peningkatan membanggakan dengan modal saham PP terkumpul berjumlah RM 117.18 juta berbanding RM 107.87 juta pada tahun 2007. Nilai ini menunjukkan peningkatan sebanyak 8.6 peratus berbanding tahun 2007. Aktiviti perniagaan berasaskan pertanian merupakan perkhidmatan utama yang disediakan oleh NAFAS, PPN dan PPK kepada ahli peladang dan menjadi penyumbang terbesar kepada isipadu perniagaan PP. Antara perkhidmatan perniagaantani utama PP ialah pembekalan input pertanian dan pemasaran hasil pertanian. Pada tahun 2008, nilai pembekalan input pertanian PP ialah RM 687.9 juta dan pemasaran hasil pertanian ialah RM 437.1 juta. Kedua-dua aktiviti tersebut menyumbang 45 peratus kepada keseluruhan isipadu perniagaan PP di bawah penyeliaan LPP yang bernilai RM 2.49 bilion.

PENGHARGAAN

“ Dengan penuh takzim, sukacita saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak sehingga LPP dapat melaksana dan menjalankan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan.”

TAN SRI HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG
P.S.M, D.S.N.S, A.M.N.
Pengerusi
Lembaga Pertubuhan Peladang



Allahyarham Tun Abdul Razak dengan disertai dari kiri ke kanan - En. Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Ketua Pengarah LPP, Y.B.M. Tengku Ahmad Rithauddeen, Pengerusi LPP, Tan Sri Abdul Kadir b. Shamsuddin, Ketua Setiausaha Negara dan Y.B. dato' Hj. Mustafa b. Hj. Abdul Jabar, Timbalan Pengerusi LPP di Majlis Perlancaran LPP pada 13 Ogos 1973 di Dewan Tunku Abdul Rahman